

**Muat Naik Status Di Facebook
Dan Menggantug Diri Hingga
Mati Kerana Kecewa**

**Kerana Kecewa Seorang Lelaki
Memuat Naik Status Di
Facebook Dan Menggantug Diri
Hingga Mati**

2 minutes



Seorang lelaki dilaporkan membunuh diri setelah menggantung dirinya sendiri dan meninggalkan satu nota di Felda Bukit Kuantan, Panching, Pahang, semalam.

Lelaki berkenaan yang dikenali sebagai [Amirul Ismad](#), 22 tahun, dikatakan telah memuat naik beberapa status sebelum kejadian itu di laman sosial Facebook. Status-status berkenaan telah membuktikan bahawa beliau telah mengalami kemurungan.

Amirul Ismad dipercayai telah membunuh diri kerana putus cinta dan juga kehilangan orang yang disayanginya.



Menurut seorang netizen yang dipercayai rakan Facebook mangsa turut mengakui bahawa beliau ada bersembang dengan Amirul berkaitan dengan status yang ditulis Amirul apabila semua status Amirul seolah-olah menunjukkan Amirul ingin mati.



Amirul Ismad

6 June at 23:08 · 🌐

kerana adanya kau disisi ak , ak boleh brubah dan tinggalkan buat benda yg buruk dan kerana kebongokkan ak pergi tggal kau krna benda yg bkn spatutnya ,ak jadi brubah kembali buat pRkara yg bruk

#apaygSharusnyaAkuLakukanSkrg

#died

👍 Like

💬 Comment

➦ Share

👍🙄 18



Amirul Ismad

9 June at 01:27 · 🌐

tiada apa lagi jadi biarlah sy pergi
#hariMakinhariSemuaJadiKosong



Like



Comment



Share



24



Amirul Ismad

8 June at 00:22 · 🌐

"mati"



Like



Comment



Share



14

1 share



Aliff Iqmal Ble

Like · Reply · 8 June at 00:11



Amirul Ismad anytime , tak mungkin kita tahu tarikh dan masa kematian kita

Like · Reply · 😞 2 · 8 June at 00:20



Aliff Iqmal K

Like · Reply · 8 June at 00:21



Shin Chan Mok Al fatihah buat arwah... Die telah meninggalkan kite... Gantung diri di rumah

Like · Reply · 🇺🇦 7 · 4 hrs

Walau bagaimanapun, agak mengecewakan apabila sekumpulan netizen menyalahkan ahli keluarga Amirul kerana Amirul dikatakan menghadapi tekanan yang hebat. Namun, beberapa ketika selepas itu, seorang wanita yang dipercayai kakak kepada mangsa memohon agar netizen tidak membuat sebarang komen negatif terhadap mangsa memandangkan mangsa baru sahaja meninggal dunia.

Segelintir netizen turut menyampaikan rasa sedih mereka di atas kejadian yang amat menyayat hati ini berlaku terhadap Amirul Ismad, malah mereka turut mengatakan luahan hati Amirul di Facebook dikatakan tiada siapa pun yang memedulikannya yang mendorong Amirul bertindak sedemikian.